

03 APR 2001

RRJP3-Pendidikan

PEMEGANG IJAZAH SARJANA AKAN MENGAJAR DI SEKOLAH RENDAH

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Pada dekad akan datang, pelajar sekolah rendah bukan sahaja akan diajar oleh lebih ramai guru siswazah tetapi sesetengahnya mungkin memiliki ijazah sarjana dan berkelayakan dalam bidang psikologi kanak-kanak.

Menurut Rangka Rancang Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, ini adalah selaras dengan peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan bagi memastikan guru yang mempunyai tahap kecekapan mengajar yang tinggi, kerana sekolah rendah menyediakan asas bagi membentuk keupayaan pelajar dan penyerapan pengetahuan di kalangan pelajar.

Ini merupakan antara langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengeluarkan tenaga buruh yang berkualiti dan berpengetahuan luas dan mempunyai kemahiran berfikir yang tinggi selaras dengan globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat, menurut laporan RRJP3.

Langkah-langkah lain termasuk mengkaji semula kurikulum sekolah untuk memupuk kemahiran berfikir dan menjana daya cipta serta pembelajaran sendiri di kalangan pelajar khususnya di peringkat sekolah rendah dan menengah.

"Pendidikan asas yang kukuh adalah teras bagi melahirkan tenaga buruh yang sihat, berkemahiran dan pintar yang membolehkan negara berasing dengan jayanya di pasaran dunia," menurut laporan itu.

Laporan itu yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan sekolah-sekolah akan dilengkapi dengan kemudahan untuk membolehkan lebih banyak mata pelajaran diajar menggunakan teknologi interaktif multimedia dan pengajaran menerusi laman web.

Teknologi komputer mudah alih tanpa wayar akan diperkenalkan di sekolah-sekolah di kawasan terpencil dan sukar dihubungi agar mereka dapat menikmati faedah daripada Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Sebahagian besar sekolah termasuk sekolah di luar bandar dan kawasan terpencil akan dihubungkan menerusi Intranet dan Internet menjelang tahun 2010, satu mekanisme akan dibentuk untuk menjalin hubungan antara sekolah dan industri bagi memastikan kurikulum sekolah sentiasa sesuai dengan keperluan industri.

"Industri akan digalakkan untuk menerima pelajar sekolah menengah atas dan kolej untuk menyertai latihan penempatan atau praktikal semasa cuti sekolah dan kolej," menurut laporan itu.

Rancangan lain termasuk menjadikan universiti bukan sahaja berfungsi melahirkan tenaga kerja pada masa hadapan tetapi juga menjadi pusat bagi menghasilkan modal intelektual dan pengetahuan baru.

"Ini bergantung kepada kemampuan universiti tersebut melahirkan sekumpulan penyelidik berkualiti tinggi dan terlibat secara aktif dalam P&P serta menjalankan aktiviti penyelidikan yang mempunyai daya maju komersil.

"Dalam hubungan ini, beberapa universiti awam sedia ada akan disusun semula untuk dijadikan universiti penyelidikan dengan memberikan tumpuan kepada program ijazah lanjutan," menurut laporan itu.

Sektor swasta akan digalakkan untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam menyediakan pendidikan di semua peringkat dan memberikan insentif kepada mereka yang ditawarkan kursus bidang teknikal dan perubatan.

Ini termasuk melonggarkan peraturan imigresen dan meningkatkan fleksibiliti dalam pengambilan tenaga pengajar asing.

Bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, kerajaan akan

menyediakan kursus latihan dan program pendidikan yang mampu dibiayai melalui Internet dan media ICT, menurut laporan itu.

-- BERNAMA
AFY AHH RHM